



**KENYATAAN AKHBAR  
KETUA PENGARAH KESIHATAN**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA  
Bagi Minggu 49 tahun 2016 ( 4– 10 Disember 2016 )**

Sepanjang minggu ke 49 tahun 2016 iaitu dari 4 Disember 2016 hingga 10 Disember 2016, sebanyak 1,376 kes Demam Denggi telah dilaporkan iaitu peningkatan sebanyak 48 kes (3.6%) berbanding Minggu ke-48 tahun 2016 iaitu 1,328 kes. Jumlah kumulatif kes Demam Denggi di seluruh negara yang dilaporkan dari 4 Disember 2016 hingga 10 Disember 2016, adalah sebanyak 97,041 kes, berbanding 113,500 kes bagi tempoh yang sama tahun 2015, iaitu penurunan sebanyak 14.5% (16,459 kes).

Pada minggu lepas, terdapat enam (6) kes kematian dilaporkan daripada 4 Disember 2016 hingga 10 Disember 2016. Jumlah kumulatif kematian Denggi sehingga 10 Disember 2016 adalah sebanyak 228 kematian, berbanding 304 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2015, pengurangan sebanyak 75 kematian (24.7%).

Sehingga 10 Disember, Sejumlah 417 lokaliti wabak masih aktif dilaporkan di 12 negeri iaitu Selangor (232;56%), WPKL & Putrajaya (48;12%), Johor (39;9%), Kelantan (28;7%), Perak (22;5%), N. Sembilan (16), Sabah (8), Sarawak (4), Pahang (5), Pulau Pinang (8), Melaka (5) dan Kedah (2). Tiada kejadian wabak dilaporkan di Perlis, Terengganu dan WP Labuan.

Hasil analisa KKM menunjukkan kadar pembiakan Aedes adalah tinggi iaitu antara 1% hingga 36%. Penduduk setempat dinasihatkan supaya mengambil berat tentang kebersihan di kediaman masing-masing dengan menjalankan aktiviti gotong royong setiap minggu untuk menghapuskan tempat pembiakan Aedes supaya kitaran hidup nyamuk dapat diputuskan dan jangkitan Denggi tidak dapat disebarkan.

Berdasarkan laporan terkini yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 8 Disember 2016, terdapat sebanyak 75 buah negara yang melaporkan jangkitan Zika. Bagi situasi di Malaysia pula, bilangan kes masih kekal tujuh (7) kes disahkan positif Zika yang telah dilaporkan dari 1 September 2016 sehingga 10 Disember 2016. Pemantauan surveilans makmal oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dari bulan Jun 2015 sehingga 10 Disember 2016, mendapati keputusan ujian bagi 1,633 sampel darah dan air kencing yang telah diuji daripada pesakit yang menunjukkan gejala virus Zika adalah negatif. **Tiada Aedes, Tiada Zika dan Denggi.**

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**14 Disember 2016**

## Lampiran A

### KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 49/2016 (4 hingga 10 Disember 2016)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 49/2016	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 49/2015
		Minggu 49 (4 – 10 Dis 2016)	Minggu 48 (27 Nov – 3 Dis 2016)		
1	Perlis	1      0	2      0	179    (3)	233    (1)
2	Kedah	18     0	14    (1)	942    (4)	927    (14)
3	P. Pinang	29     0	29     0	2,458   (12)	5,430   (18)
4	Perak	77     0	68     0	3,549   (10)	9,069   (24)
5	Selangor	593    (1)	602    (2)	49,503 (76)	59,596 (118)
6	WPKL & Putrajaya	144    (2)	137    0	8,325   (21)	7,865   (34)
7	N. Sembilan	86     0	36     0	2,693   (24)	2,285   (15)
8	Melaka	39     0	31     0	2,167   (7)	2,245   (7)
9	Johor	86     0	106    0	10,332 (22)	14,658 (42)
10	Pahang	56     (1)	88     0	2,889   (10)	2,777   (14)
11	Terengganu	14     (1)	19     0	1,986   (20)	1,256   (3)
12	Kelantan	127    (1)	88     0	5,869   (11)	2,669   (7)
13	Sarawak	46     0	43     0	2,639   (7)	1,857   (3)
14	Sabah	60     0	65     0	3,497   (2)	2,631   (7)
15	WP Labuan	0      0	0      0	13      (0)	2      (0)
	<b>MALAYSIA</b>	<b>1,376    (6)</b>	<b>1,328    3</b>	<b>97,041   (229)</b>	<b>113,500   (307)</b>

Nota: ( ) Kematian

\* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” SEHINGGA 10 DISEMBER 2016 (Mg 49)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat B : Blok 13 - 37)	41	130
2	WPKL	Cheras	Kem Sg.Besi (Jalan Labuan)	39	121
3	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 6f (Enggang Apt)	35	111
4	SELANGOR	Petaling	BI Pju 10 Apt Harmoni 2 ( D,E,F,G,H,J,K,T,S,R )	30	88
5	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 4 Gugusan Semarak	26	78
6	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 8/1-15 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	60	76
7	SELANGOR	Gombak	Appt Berembang Indah	23	71
8	SELANGOR	Gombak	Kepong Ulu	22	66
9	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 3 Sri Manja Court ( Jln Pjs 3/44 )	24	61
10	SELANGOR	Petaling	Seksyen 22 ( Pangsapuri Alam Prima )	32	60
11	JOHOR	Johor Bharu	Kg Pasir	22	58
12	SELANGOR	Gombak	Condo Laksamana Puri	17	57
13	SELANGOR	Petaling	Ss 15/5 (Teres)	19	54
14	SELANGOR	Gombak	Tmn Gombak	8	52
15	SELANGOR	Gombak	Tmn Melawati (F)	18	46
16	SELANGOR	Petaling	Du Ss 25 ( 2 )	9	46
17	SELANGOR	Klang	B.S.S Pangsapuri Pkns Blok 7-14	14	45
18	SELANGOR	Petaling	Seksyen 22 (Apt Alam Sanjung)	16	45
19	SELANGOR	Sepang	Taman Ixora	8	45

20	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Desakarun Mas	7	44
21	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 ( Teres A : Jln 8/1 - 8/13 )	18	43
22	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Perdana 1 (Jln Mawar)	11	43
23	SELANGOR	Gombak	Tmn Jati	7	41
24	SELANGOR	Klang	Tmn Kapar ( Lrg Raja Abdul Rahman 6)	17	41
25	SELANGOR	Gombak	Tmn Sri Gombak Fasa 4	9	40
26	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	6	40
27	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Seri Pelangi : Blok 1 - 3 & Rmh Pangsa Seri Murni Blok 4)	11	40
28	KELANTAN	Kota Bharu	Atas Banggol	15	40
29	SELANGOR	Gombak	Tmn Greenwood	9	38
30	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Teratai Taman Sutera	39	38
31	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Impian & Jln U5/178 - 180 & Jln Cc U5/Cc-Ce U5/Ce)	7	38
32	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 ( Flat B : Blok 2, 4, 6, 8, 10, 12, 14, 16, 18, 20 )	14	37
33	WPKL	Titiwangsa	Desa Tun Hussien Onn ( Blok D1-D22 )	7	37
34	SELANGOR	Petaling	Seksyen 22 (Kaw Perindustrian A : Jln 22/1 - 22/4 )	7	36
35	SELANGOR	Petaling	BI Pju 9 Sd 13 Apt Sri Meranti 2 : Blok H, J, K, L, M, N, P, Q, R	8	36
36	WPKL	Titiwangsa	Ppr Cochrane Perkasa	15	36
37	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Kasawari Taman Impian Ehsan	8	35
38	SELANGOR	Petaling	Usj 9/5	12	34
39	SELANGOR	Petaling	Seksyen U19 ( Kg Paya Jaras Hilir : Jln Teratai Utama )	11	34
40	WPKL	Cheras	Apartment Desa Tun Razak	11	34
41	WPKL	Titiwangsa	Jalan Temerloh (Kolej Tun Syed Nasir)	10	34
42	SELANGOR	Gombak	Aman Siara	7	33
43	SELANGOR	Petaling	Seksyen U7 ( Tudm Subang A : Blok G1 - G8 )	12	33
44	SELANGOR	Sepang	Taman Anggerik	8	33
45	N. SEMBILAN	Seremban	Taman Tuanku Jaafar Fasa 2	4	32

46	SELANGOR	Petaling	Seksyen U7 ( Tudm Subang C : Blok Equatorial,Hilton,Samudera & Merlin )	12	31
47	SELANGOR	Petaling	Seksyen U7 ( Tudm Subang D : Blok F1 - F8 & E1 - E2 )	34	31
48	SELANGOR	Gombak	Condo Kg Warisan	5	31